

KERATAN: Utusan Borneo  
→ Pail Budaya Etnik  
SAB-A0397/12

TARIKH: 6/3/2012  
M/S: (B3)

# Kenikian Budaya Bangsa



Oleh YUSOP TEppo  
armie\_bp@yahoo.co.uk

“Kita akan sentiasa bekerjasama dengan pihak

**P**ERSATUAN Bangsa Sungai Sabah (Sabas) akan meminta kerjasama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KPK&ASNS) bagi sama-sama mempromosikan kebudayaan dan tradisi masyarakat bangsa Sungai.

Presiden Sabas, Datuk Haji Zakaria Haji Mohd Edris berkata ini amat penting dalam usaha mempromosikan serta memperkenalkan kebudayaan dan tradisi bangsa Sungai di negeri ini.



ZAKARIA

(Gambar kanan) ALAT muzik Gabbang Kayu yang digunakan semasa persembahan tarian titikas.

kementerian kerana ini bukan hanya kepentingan persatuan semata-mata tetapi ia adalah untuk kepentingan negeri Sabah dalam usaha kerajaan menarik lebih ramai pelancong asing datang mengunjungi negeri ini,” katanya.

Beliau berkata terdapat pelbagai kebudayaan dan tradisi bangsa Sungai di negeri ini kerana terdapat 30 sub-etnik dan kumpulan dialek.

Zakaria juga turut meminta pihak persatuan untuk bergiat aktif dalam memastikan kebudayaan dan tradisi bangsa Sungai ini dapat diketengahkan bukan sahaja di negeri Sabah tetapi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

“Kebudayaan dan tradisi seperti tarian yang sedia ada

(Gambar bawah) TARIAN Titikas yang dipersembahkan kepada pengunjung.



ini perlulah kita perbaiki dan sentiasa membuat latihan yang lebih rapi," katanya.

Beliau juga mahu' golongan belia dan belianis bangsa Sungai agar sama-sama melibatkan diri dalam usaha ini bagi memastikan budaya dan tradisi bangsa Sungai tidak hilang pada masa depan.

"Penglibatan golongan belia dan belianis akan memastikan kemantapan budaya dan tradisi bangsa Sungai pada diri dan kesinambungan mewarisi budaya serta tradisi itu dapat diteruskan," katanya.

Zakaria menambah

golongan belia dan belianis ini harus mengetahui dan mewarisi budaya dan tradisi ini kerana mereka merupakan pewaris kepimpinan pada masa depan.

Sementara itu mengenai Sabas, beliau berkata Sabas telah didaftarkan pada 26 September 1979.

"Matlamat utama persatuan ini adalah untuk mempromosikan budaya suku kaum bangsa Sungai yang terdapat di Sabah," katanya.

Zakaria yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gum-Gum, berkata kesenian dan artifak suku kaum orang Sungai dapat disaksikan melalui seni bina, seni tampak, seni tari, sistem nilai dan budaya yang penuh kelembutan dan keunikan.

"Masyarakat bangsa Sungai ini juga terkenal dengan hasil kraftangan yang halus dan berbagai motif seperti terdapat pada tudung saji, payung tagajoh, tikar mengkuang, sulaman, tekat, tenunan yang halus dan rapi pada sarung bantal dan baju tradisi," katanya.

Beliau menambah seni hias yang menarik seperti



SABAS ketika mengadakan kunjungan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Aman.

UB - 6/3/12 (B3)

serimpak pada pengantin perempuan serta seni hias semangan yang diperbuat dari perca kain beraneka warna dijadikan perhiasan pada dinding dan lelangit rumah semasa majlis perkahwinan.

#### ADAT RESAM

Pengerusi Biro Adat dan Bahasa, Yahya Mohd Ebey berkata masyarakat yang menetap di pinggir sungai dirujuk sebagai orang Sungai.

"Penempatan mereka ini tertumpu di tebing-tebing sungai utama seperti Sungai Kinabatangan, Sungai Sugut, Sungai Paitan, Sungai Labuk, Sungai Segaliud, Sungai Bengkoka, Sungai Segama dan beberapa sungai lain terdapat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata suku kaum orang Sungai menganut fahaman yang berbeza-beza dan mereka yang beragama Islam pada asasnya berkahwin campur dengan peniaga Suluk pada masa lalu.

"Orang Sungai mengamalkan adat resam yang dipusaki daripada nenek moyang mereka yang banyak menerima pengaruh animisme dan kini pengaruh Islam," katanya.

Yahya berkata orang

Sungai mengamalkan adat bersanding semasa majlis perkahwinan, adat bertimbang, adat menggunting rambut kanak-kanak dan adat melenggang perut.

Mengenai bahasa, beliau berkata ada bahasa yang digunakan oleh 30 sub-etnik masyarakat bangsa Sungai, memang terdapat persamaan walaupun loghat bahasa itu berbeza.

"30 sub-etnik iaitu Begahak, Idahan, Liwago, Paitan, Sinobu, Suyat, Bengkoka, Inokang, Makiang, Pingas, Sinorope, Tambangan, Buludupi, Kalabuan, Mangkaak, Puang, Subpan, Tengara, Dewara, Kuamat, Milian, Rumanau, Sugud, Tinagas, Dumpas, Lingkabau, Minokok, Segilitan, Sukang dan Tindakon," katanya.

#### TARIAN TITIKAS & GABBANG KAYU

Ketua Jurulatih Tarian Titikas, Arip@Aripin Amrin berkata tarian titikas merupakan salah satu tarian bangsa Sungai dari suku kaum Sungai Kinabatangan yang unik dari segi gerak tari yang memakai gerak seperti seorang pahlawan.

"Penari lelaki akan menari menggunakan sebelah kaki secara bersilih ganti sambil

diiringi oleh penari wanita," katanya.

Beliau berkata tarian titikas ini akan diiringi dengan alat muzik Gabbang Kayu atau lebih dikenali sebagai kulintangan yang diperbuat daripada kayu.

"Tarian ini adalah salah satu tarian yang popular selepas tarian runsai yang mana akan dipersembahkan semasa menyambut tetamu, majlis perkahwinan dan keramaian," katanya.

Beliau berkata tarian titikas ini pernah menjuarai Juara Tugu Budaya 2011 yang diadakan di Pusat Kebudayaan Penampang.

Arip berkata alat muzik Gabbang Kayu adalah alat muzik tradisional suku Orang Sungai di daerah Kinabatangan.

"Sejak awal alat muzik ini adalah salah satu alat muzik kedua terpenting selepas alat muzik kulintangan tembaga yang dibawa masuk oleh masyarakat Suluk," katanya.

Beliau berkata alat muzik Gabbang Kayu ini adalah diperbuat dari jenis kayu pogil atau jenis kayu bayor.

"Alat muzik Gabbang kayu ini juga pernah dihadiahkan kepada Datuk Bandar Turki sempena Festival Kesenian Antarabangsa di Turki," katanya.